



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Rencana			
TARIKH	:	12/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			

Industri tenaga solar alternatif terbaik pacu pemulihan ekonomi

BH(Rencana), 12 Jul 2021_12



Oleh Datuk Dr. Muhammad Gusnur Mansor Toheng dan Dr. Mohd Syahrin Mohd Azmi
bhrencana@bh.com.my



Muhammad Gusnur adalah Prof. Adang di Fakulti Sains dan Matematik (FSSM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala Mohd Syahrin adalah penerbit kanan penyiaran kanan

Negara maju kini melihat kolektarian tenaga aspek penting bagi pembangunan mapan sesebuah negara. Semakin tinggi pesat pembangunan, semakin tinggi kadar perminatan terhadap tenaga.

Dua teras utama berkaitan tenaga, iaitu pembekalan dan penggunaan (permintaan), yang mana kedua-duanya perlu dipenahi bagi merencanakan pertumbuhan dalam negara.

Apabila membincangkan mengenai kolektarian tenaga, ada empat elemen penting yang perlu diberi perhatian. Elemen pertama berkaitan sumber tenaga, iaitu mengurangkan keberagutan kepada sumber tenaga bahan api fosil dan meningkatkan penjanaan tenaga daripada sumber tenaga boleh diperbaharui.

Isa bagi memastikan bekalan yang stabil dan berterusan kepada pengguna. Di samping itu, kita mesti memberi pelesenan kepada sistem dan peralatan cekap tenaga.

Elemen kedua berkaitan alam sekitar di mana sistem teknologi tenaga yang termaju akan meminimumkan pengaliran gas rumah hijau yang menjadi faktor utama pemanasan global.

Deretan terakhir, ia dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar, rendah karbon dan seterusnya hidup akan terpelihara daripada limpak seperti fenomena perubahan cuaca dan iklim dunia. Ia juga membantu menyediakan persekitaran sihat, kualiti udara bersih dan selamat untuk kita.

Sosial adalah elemen ketiga perlu diberi perhatian semua pihak, termasuklah agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Deretan adanya sistem teknologi tenaga yang baik, kebajikan dan kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan. Rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak akan dipinggirkan daripada arus pembangunan dan kemajuan negara.

Meritnya juga perlu diberikan sumber tenaga elektrik mencukupi untuk membolehkan urusan kehidupan seharian.

Elemen keempat pula, iaitu ekonomi akan dibincang lebih lanjut. Ia perlu diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan dan pihak berwajib dalam merencanakan agenda pembangunan negara.

Pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh mampu ditingkatkan melalui sistem teknologi tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau.

Seperti kita sedia maklum, pandemik COVID-19 memberi kesan besar terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Tempoh pemulihan ekonomi negara dijangka mengambil masa lama untuk kembali stabil dan matang.

Pelbagai inisiatif jangka pendek dan panjang dirangka kerajaan untuk membantu rakyat yang terkesan secara langsung dan tidak langsung. Pengkritik industri tenaga melihat industri tenaga solar sebagai alternatif terbaik bagi memulakan semula dan memulihkan ekonomi negara.

Kini, banyak pelabur dari luar negara menjadi-



Kerajaan menyasarkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 40 peratus menjelang 2035. Oleh itu, teknologi tenaga solar antara tenaga alternatif terbaik kerana sumbernya adalah setempat

kan Malaysia sebagai hab pengeluaran panel solar fotovoltaik. Terhuru, Kerajaan Malaysia meluluskan pelaburan berjumlah RM42.2 bilion daripada syarikat Risen Solar Technology Sdn Bhd. Ia satu bentuk nilai tambah kepada ekonomi negara iaitu perindustrian berasaskan teknologi tenaga. Ini memberi peluang yang besar kepada negara untuk mengeksport produk berasaskan teknologi tenaga solar ke pasaran luar yang kian melanda permintaan tinggi saban tahun. Kerajaan dan pihak berwajib juga disarankan menyediakan insentif dan peruntukan kepada agensi dan syarikat perindustrian, bagi menjalakan program latihan kemahiran jangka pendek untuk kursus berkaitan teknologi tenaga solar kepada graduan sijil, diploma mahupun sarjana muda.

Program latihan ini mampu melahirkan tenaga mahir dan ia diharap meningkatkan kebolehpasaran graduan untuk bekerja dalam industri teknologi tenaga solar dengan lebih kompeten. Ia seterusnya berupaya menjana pelbagai pekerjaan yang baik untuk rakyat Malaysia.

Selain itu, skim galakan melalui rebat untuk pemasangan sistem solar fotovoltaik bersepadu bangunan (BSPV) untuk rumah kediaman, bangunan pejabat, kilang dan sebagainya perlu diwujudkan.

Kerajaan juga boleh memberikan potongan cukai pendapatan kepada pengguna yang memasang sistem panel solar di atas bumbung rumah kediaman mereka.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula boleh memainkan peranan untuk meminta pengkritik industri binaan dan penaja hartanah membina rumah kediaman yang siap dengan panel pemasangan sistem solar fotovoltaik.

Ini akan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai sistem tenaga mesra alam dan ia mampu mengurangkan bil elektrik bulanan.

Ketika ini, penjanaan tenaga elektrik di Malaysia dihasilkan, beratus-ratus megawatt tenaga gas asli, jana kuasa arang batu serta jana kuasa hidro. Penjanaan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui seperti solar, biojisim dan biogas masih rendah dibandingkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 40 peratus menjelang 2035. Oleh itu, teknologi tenaga solar antara tenaga alternatif terbaik kerana sumbernya adalah setempat.

Maka, kerajaan menyasarkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 40 peratus menjelang 2035. Oleh itu, teknologi tenaga solar antara tenaga alternatif terbaik kerana sumbernya adalah setempat.

Sumber tenaga solar tidak perlu diimport, berkekalan dan tidak dipengaruhi suasana politik dunia. Dengan bertumbuhnya pembangunan bidang solar, ia dapat mengurangkan import gas asli dan arang batu, manakala kerajaan dapat mengebahkan pengaliran wang ke luar negara.